

Headline	Pemahaman jelas HIV, Aids kikis stigma: Exco		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	12 Dec 2016	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	20,000
Page No	37	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	249 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,744
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,233



Pemahaman jelas HIV, Aids kikis stigma: Exco



Norol Azali (lima, kanan) bersama penduduk yang menayakan Hari Aids Sedunia 2016 Peringkat Daerah Bentong di Dewan Felda Lurah Bilut.

LURAH BILUT - Pemahaman jelas tentang HIV dan Aids dalam kalangan masyarakat perlu dipertingkatkan bagi mengikis stigma dan diskriminasi terhadap penghidapnya.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas negeri, Datuk Norol Azali Sulaiman berkata, diskriminasi dan pandangan negatif terhadap jangkitan itu kebanyakannya disebabkan dengan gejala tidak bermoral.

Menurutnya, bagaimanapun, perlu diketahui terdapat mangsa yang dijangkitinya tanpa terlibat dengan perbuatan berisiko dan tidak bermoral.

“Antaranya, golongan wanita, remaja dan kanak-kanak yang mendapat jangkitan akibat perbuatan berisiko ahli keluarga yang lain.

“Namun, golongan ini tetap terima stigma dan diskriminasi yang sama daripada masyarakat kerana hidup dengan HIV dan Aids,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Sambutan Hari Aids Sedunia 2016 Peringkat Daerah Bentong, di sini.

Norol Azali memuji peranan Jabatan Kesihatan daerah di atas penganjuran program

sedemikian.

Katanya, kempen seperti itu diyakini dapat memupuk kesedaran tentang Aids serta langkah-langkah melindungi dan rawatan disediakan oleh kerajaan melalui Jabatan Kesihatan.

“Masyarakat sekitar daerah ini perlu jelas tentang HIV dan Aids, bagaimana virus itu berjangkit dan keperluan memberi dorongan serta sokongan kepada pesakit.

“Dengan memperoleh dan memahami maklumat yang betul, masyarakat akan dapat mengurangkan stigma dan diskriminasi terhadap mereka (yang dijangkiti virus serta sindrom berkenaan),” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Panel Penasihat Klinik Kesihatan Negeri (PPKK), Md Zulkifli Md Yunos berkata, pihaknya ingin menyahut seruan kerajaan untuk mencapai sifar kes HIV dan Aids menjelang 2030 di daerah ini.

Menurutnya, tahun itu juga menjadi sasaran untuk mencapai sifar kes HIV dan Aids di peringkat dunia.

“Sama ada dunia mencapai sasaran sifar atau tidak tetapi kita (Malaysia) dan di daerah ini mahu mencapai objektif itu,” katanya